



**1. PENOLONG PEGAWAI PERDAGANGAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Ekonomi / Perdagangan dan Kewangan (*Business and Finance*) atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan kelebihan

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Perdagangan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 selama tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.


ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.2 selama tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 selama tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam menggunakan teknologi maklumat dan komputer seperti *Excel* dan *Powerpoint* adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PERDAGANGAN:

1. Memproses dan menyemak pengeluaran Sijil-Sijil Tempat Asal (*Certificate of Origin*) bagi eksport barangan keluaran tempatan dan juga yang dikeluarkan oleh Negara luar bagi barangan yang diimport ke dalam negeri.
2. Menyediakan perangkaan perdagangan.



3. Membantu kerja-kerja berhubung dengan tarif termasuk penyediaan jadual tarif bagi perjanjian-perjanjian Perdagangan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara-Negara luar.
4. Membantu berurusan dengan pihak swasta mengenai masalah-masalah perdagangan.
5. Bersedia bertugas di waktu-waktu yang diperlukan dan semasa ke semasa di luar waktu bertugas.